

## Berita Harian April 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Rabu 4 April 2018	JAS lulus laporan EIA projek KL-SG HSR	Ketua Pegawai Eksekutif MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR Corp), Datuk Mohd Nur Ismail Mohamed Kamal	3
2.	Khamis 5 April 2018	Lebih 7 juta permohonan BR1M diluluskan	Kementerian Kewangan	5
3.	Khamis 5 April 2018	Peruntukan khas RM50 juta untuk Bekenu	Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak	6
4.	Khamis 5 April 2018	PARLIMEN: Syor PAC pada program Desa Lestari	Pengerusi PAC Datuk Seri Hasan Arifin	7
5.	Selasa 10 April 2018	Suami isteri tipu agensi kerajaan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
6.	Rabu 11 April 2018	Dituduh kemuka invois palsu PERKESO	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
7.	Rabu 18 April 2018	MIHAS 2018 raih jualan RM1.52 bilion	MIHAS	12
8.	Khamis 19 April 2018	GST projek ECRL dikecualikan untuk imbangi kos kerajaan	Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri Subromaniam Tholasy	14
9.	Khamis 19 April 2018	Saksi kemuka invois ubah suai rumah RM1.5 juta	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
10.	Khamis 19 April 2018	Lebuhraya Pan Borneo pemangkin ekonomi Sabah	Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman.	18
11.	Khamis 19 April 2018	Pelepasan GST kekalkan kos ECRL	Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah	20
12.	Ahad 22 April 2018	Pengurus kanan ditahan disyaki ambil rasuah RM190,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
13.	Selasa 24 April 2018	Jurutera JKR Kulai dituduh rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
14.	Khamis 26 April 2018	Pegawai tadbir agama didakwa minta rasuah RM6,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
15.	Khamis 26 April 2018	PETROS dijangka raih pendapatan RM2 bilion setahun	Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg	27

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
16.	Ahad 29 April 2018	Minta sogokan RM1.8 juta, Datuk Seri Indera ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
17.	Isnin 30 April 2018	Pasaran Asia meningkat di sebalik kelembapan ekonomi utama	Pasaran Asia	30



**MOHD Nur Ismail Mohamed Kamal**

#### **1. JAS lulus laporan EIA projek KL-SG HSR**

KUALA LUMPUR: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Isnin lalu meluluskan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) berhubung projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (KL-SG HSR).

Ketua Pegawai Eksekutif MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR Corp), Datuk Mohd Nur Ismail Mohamed Kamal, berkata dengan kelulusan itu projek KL-SG HSR mara setapak ke hadapan, sekali gus membolehkan pihaknya mendapat kelulusan Skim Kereta Api.

Beliau berkata, laporan EIA diserahkan kepada JAS pada 13 Disember tahun lalu dan perlu dipamerkan untuk tempoh satu bulan bermula 23 Disember 2017 hingga 25 Januari lalu bagi membolehkan orang ramai memberi maklum balas dan ulasan.

Katanya, laporan EIA adalah proses mandatori mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 bertujuan mengenal pasti, meramal dan menilai impak projek KL-SG HSR kepada alam sekitar.

"Laporan EIA turut mengenal pasti dan mencadangkan langkah mitigasi dalam menangani impak pada tahap pembinaan dan operasi.

"Kelulusan itu adalah pencapaian besar pihak kami dan akan terus membuka jalan untuk projek KL-SG HSR bergerak ke hadapan," katanya dalam satu kenyataannya di sini, hari ini.

Projek KL-SG HSR dijangka mempunyai jajaran sejauh 328 kilometer (km) dengan tujuh stesen di Malaysia iaitu Bandar Malaysia, Bangi-Putrajaya, Seremban, Melaka, Muar, Batu Pahat dan Iskandar Puteri.

Daripada jumlah itu, Johor mempunyai jajaran terpanjang 182 km, manakala di Singapura, stesen itu akan ditempatkan di Jurong East.

KL-SG HSR bakal menjadi mod pengangkutan awam rel paling laju dengan kelajuan maksima 320 km sejam, sejauh 350 km dan hanya 90 minit masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura, dijangka beroperasi menjelang akhir tahun 2026



2. Lebih 7 juta permohonan BR1M diluluskan

PUTRAJAYA: Sebanyak 7,084,726 permohonan bagi menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2018 diluluskan sehingga 31 Mac lalu membabitkan jumlah peruntukan sebanyak RM6.12 bilion.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan, hari ini, berkata, ia merangkumi bantuan sebanyak RM1,200 kepada 3,705,853 penerima isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, dan bantuan RM900 kepada 324,973 penerima isi rumah yang berpendapatan bulanan antara RM3,001 hingga RM4,000.

"Ia juga termasuk bantuan RM450 kepada 3,053,900 penerima individu yang berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah," katanya.

Selain itu, bagi pemohon yang gagal dalam permohonan BR1M 2018, rayuan dan penghantaran dokumen sokongan boleh dibuat mulai 2 April lalu hingga 31 Mei ini di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), termasuk di Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) terdekat.

Pemohon juga boleh menghantar permohonan secara pos ke alamat Peti Surat BR1M, GPO Shah Alam bersama dokumen sokongan berkaitan seperti penyata gaji dan salinan kad pengenalan pasangan/tanggungan terkini.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol 1800-88-2716 serta email kepada: [br1m@treasury.gov.my](mailto:br1m@treasury.gov.my).



PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak bersalaman dengan penduduk tempatan pada majlis penyerahan Empangan Bakun daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sarawak

### 3. Peruntukan khas RM50 juta untuk Bekenu

BEKENU: Datuk Seri Najib Razak mengumumkan peruntukan khas sebanyak RM50 juta untuk pembinaan klinik kesihatan baharu sekali gus memberi manfaat kepada kira-kira 10,000 penduduk di daerah ini.

Selain itu, Perdana Menteri juga turut meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta lagi bagi menaik taraf Esplanade Bekenu untuk mewujudkan wajab baharu pusat rekreasi di tumpuan umum itu.

"Saya meluluskan peruntukan pembinaan klinik kesihatan berjumlah RM50 juta, dan RM5 juta bagi menaik taraf Esplanade Bekenu," katanya ketika menghadiri majlis minum petang bersama rakyat di Padang Majlis Daerah Subis, di sini, hari ini.

Kira-kira 5,000 penduduk menghadiri majlis ini yang turut dihadiri Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg dan Ahli Parlimen Sibuti, Datuk Ahmad Lai Bujang.

Pengumuman Perdana Menteri itu sudah tentu menjadi berita gembira kepada lebih 10,000 penduduk membabitkan 43 kampung di daerah ini.

Ketua Kampung Selanyau Syawal Mawang, 70, berkata, pengumuman Perdana Menteri itu adalah hadiah bermakna kepada penduduk di kampung itu.

"Ribuan penduduk dari 43 kampung di Bekenu hanya menggunakan klinik desa. Setiap hari penduduk terpaksa datang awal sebelum klinik dibuka untuk mendapatkan perkhidmatan

"Dengan peruntukan pembinaan klinik baharu ini pastinya memberikan 'nafas baru' kepada penduduk di sini," katanya.



**Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Hasan Arifin**

**4. PARLIMEN: Syor PAC pada program Desa Lestari**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parliment menggariskan beberapa syor kepada kerajaan berhubung pengurusan Program Desa Lestari di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Pengerusinya Datuk Seri Hasan Arifin berkata, PAC Parliment secara umumnya berpuas hati dengan Program Desa Lestari itu kerana ia adalah hasrat murni kerajaan hendak membantu penduduk kampung menubuhkan koperasi bagi menjalankan perniagaan.

Namun katanya, PAC memandang berat terhadap beberapa kelemahan dalam pengurusan program itu seperti masalah projek gagal dan terbengkalai, perolehan bekalan dan kerja tidak mengikut spesifikasi, salah guna kuasa oleh pegawai serta kurang pemantauan dan tindakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terhadap koperasi yang tidak mematuhi sepenuhnya kehendak Akta Koperasi 1993.

"Berikutan itu, PAC Parliment mengesyorkan kepada kerajaan supaya mengkaji semula pembabitan dua agensi kerajaan iaitu KKLM dan SKM dalam memantau Program Desa Lestari hingga menimbulkan pelbagai kelemahan pengurusan kontrak di kalangan koperasi.

"Adalah lebih efisien Program Desa Lestari dipantau serta diuruskan satu kementerian sahaja," katanya dalam kenyataan selepas pembentangan Laporan PAC berhubung pengurusan program berkenaan di Parliment, di sini, hari ini.

Isu itu adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2016 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017.

Hasan berkata, KKLW perlu menggunakan agensi kerajaan yang mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam sesuatu industri bagi memberikan khidmat nasihat dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek yang hendak dilaksanakan koperasi.

Selain itu katanya, SKM perlu lebih tegas dalam menguatkuasakan peraturan dalam Akta Koperasi 1993 terutama terhadap koperasi yang menerima peruntukan kerajaan dalam menjalankan sesuatu projek.

"PAC Parlimen mahu SKM mengkaji semula perjawatan bagi pegawai yang menyelia koperasi benar-benar dapat memberikan khidmat nasihat dengan lebih berkesan," katanya.

##### 5. Suami isteri tipu agensi kerajaan

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan sepasang suami isteri kerana dipercayai membuat tuntutan palsu bernilai kira-kira RM91,000 daripada sebuah agensi kerajaan, tahun lalu.

Pasangan berusia 52 tahun dan 49 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPM Putrajaya, kira-kira jam 2.55 petang tadi ketika mereka hadir memberi keterangan.

Sumber berkata, suspek wanita bekerja sebagai ketua kerani di agensi kerajaan itu dan dia dipercayai bersubahat dengan suaminya serta menggunakan jawatan dan kedudukannya.

"Mereka dipercayai terbabit dalam proses pemberian kerja pembekalan kepada empat buah syarikat yang dikatakan mempunyai kepentingan dengan suspek," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Jabatan Siasatan SPM, Datuk Simi Abd Ghani, mengesahkan tangkapan dan memberitahu, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

"Kedua-duanya akan dihadapkan ke Mahkamah Jalan Duta, esok, untuk perintah tahanan reman," katanya.

## 6. Dituduh kemuka invois palsu PERKESO

KUALA LUMPUR: Sepasang suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas tuduhan mengemukakan invois mengandungi butiran palsu dan bersubahat berhubung pembekalan cenderahati dan gambar berserta bingkainya yang keseluruhan berjumlah RM91,500 tahun lalu.

Mohd Raji @ Mohd Radzi Kasdi, 51, seorang kakitangan pihak berkuasa tempatan dan isterinya, Norlela Surip, 49, bekas kerani di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, Mohd Raji didakwa memberi invois yang mengandungi butiran palsu daripada Syarikat Nadzwa Resources berjumlah RM42,000 kepada Pengurus Cawangan (Pentadbiran Am), Bahagian Khidmat Pengurusan PERKESO bagi membekal dan menghantar pelbagai cenderahati kepada PERKESO.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Cawangan Pentadbiran Am, Bahagian Khidmat Pengurusan, Menara PERKESO di sini pada 23 Januari 2017 dan didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum bawah seksyen 24 akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Norlela didakwa bersubahat dengan suaminya melakukan perbuatan yang sama di tempat dan tarikh yang sama dan bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPM 2009 dibaca bersama seksyen 28(1) (c) akta SPM dan boleh dihukum bawah seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman serupa.

Mereka juga didakwa bersama-sama memberi invois yang mengandungi butiran palsu daripada Syarikat M'Dia Enterprise berjumlah RM49,500 kepada pengurus yang sama bagi membekal dan menghantar gambar berserta bingkai kayu kepada PERKESO ditempat sama pada 27 Januari 2017.

Bagi pertuduhan itu mereka didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPM 2009 dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum bawah Seksyen 24 akta SPM 2009 yang memperuntukkan hukuman serupa.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPM, Amira Sariaty Zainal manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Amira Sariaty mencadangkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin untuk kesemua pertuduhan bagi setiap tertuduh namun pasangan itu memohon mahkamah memberikan jaminan yang rendah kerana mereka mempunyai anak-anak yang masih bersekolah.

Mahkamah kemudian membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM25,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan serta syarat tambahan pasport mereka diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 10 Mei ini untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.



**Mohd Raji @ Mohd Radzi Kasdi dan isterinya, Norlela Surip dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur atas tuduhan mengemukakan invois mengandungi butiran palsu dan bersubahat berhubung pembekalan cenderahati dan gambar berserta bingkainya yang keseluruhan berjumlah RM91,500 tahun lalu.**

## 7. MIHAS 2018 raih jualan RM1.52 bilion

KUALA LUMPUR: Pameran Halal Antarabangsa Malaysia Ke-15 (MIHAS) 2018 meraih jumlah jualan RM1.52 bilion, meningkat daripada RM1.01 bilion yang dicatat pada tahun lalu.

Sebahagian besar jualan terbabit disumbangkan oleh dua komponen utama merangkumi pameran dan segmen padanan perniagaan iaitu Program Penyumberan Antarabangsa (INSP).

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang juga pengajur acara itu dalam satu kenyataan berkata, hasil jualan pameran mencatatkan peningkatan 29 peratus kepada RM914.57 juta berbanding RM708.82 juta pada 2017.

INSP pula katanya menjana jualan sebanyak RM602.45 juta, peningkatan sebanyak 99.5 peratus berbanding RM301.99 juta tahun lalu.

"Sektor yang mencatat perkembangan memberangsangkan pada acara itu adalah makanan siap yang mencatat jualan sebanyak RM407.20 juta dan menyumbang 44.5 peratus daripada jualan keseluruhan.

"Ini disusuli segmen minuman (RM129.3 juta atau 14.1 peratus daripada jumlah jualan), farmaseutikal, kelengkapan dandanan diri dan kosmetik (RM108.04 juta atau 11.8 peratus), hasil pertanian (RM68.53 juta atau 7.5 peratus) serta jentera dan kelengkapan (RM41.58 juta atau 4.6 peratus).

"MIHAS 2018 yang diadakan pada 4 hingga 7 April lalu juga berjaya menarik penyertaan 778 pemamer mewakili 32 negara termasuk pembabitan Kemboja, Azerbaijan dan Uzbekistan untuk pertama kalinya.

"Acara itu turut menerima kehadiran lebih 21,000 pengunjung merangkumi syarikat tempatan dan antarabangsa, pertubuhan dan delegasi asing serta pemeteraian sebanyak 33 Memorandum Persefahaman (MoU)," katanya.

MATRADE berkata, antara MOU yang ditandatangani ketika acara itu adalah TV Alhijrah dengan TV Asyl Arna (Kazakhstan) dan Institut Halal Korea, Universiti Malaysia Pahang dengan Amin Bio Group (China) dan KPJ Healthcare dengan Kulin Asia Tenggara.

Katanya, INSP yang diadakan pada 3 April lalu pula berjaya menarik 182 pembeli asing yang berpotensi dari 39 negara dengan sebanyak 2,094 mesyuarat perniagaan membabitkan pembeli antarabangsa dan 428 pengeksport Malaysia.

"Antara negara yang mencatat jualan eksport tertinggi bagi syarikat-syarikat Malaysia di INSP adalah China (RM310.46 juta atau menyumbang 51.5 peratus daripada jumlah jualan), India (RM75.61 juta atau 12.6 peratus), Poland (RM71.34 juta atau 11.8 peratus), Thailand (RM21.70 juta atau 3.6 peratus) dan Amerika Syarikat (RM20.13 juta atau 3.3 peratus)," katanya

MATRADE berkata, selain itu, sebanyak 12 anugerah diberikan pada Anugerah MIHAS tahun ini dalam memberi pengiktirafan kepada syarikat yang berinovasi dan menyuntik kreativiti ke dalam pembangunan produk mereka.

Antara pemenang adalah PS Food & Beverage Sdn Bhd (Anugerah Emas untuk Produk F&B Paling Inovatif), Phytes Biotech Sdn Bhd (Anugerah Emas untuk Produk dan Perkhidmatan bukan Makanan Paling Inovatif), Umrahloka Sdn Bhd (Anugerah Emas Pembentangan dan Rekaan Booth Terbaik) dan Pavilion Palestin memenangi anugerah pavilion negara terbaik.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata MIHAS bukan hanya sekadar acara tetapi ia platform untuk industri Halal, yang kini semakin meningkat.

"Organisasi MIHAS adalah penting dalam memacu industri halal bukan saja Malaysia ke tahap lebih tinggi. Dengan landskap ekonomi Islam Malaysia yang kondusif, MIHAS menjadi pasaran bagi perniagaan tempatan dan luar berkembang maju dalam perdagangan Halal dan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi global Halal," katanya.



KETUA Pengarah Kastam Datuk Seri Subromaniam Tholasy dalam sidang media mengenai pelepasan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan barang perkhidmatan bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) hari ini.

#### 8. GST projek ECRL dikecualikan untukimbangi kos kerajaan

PUTRAJAYA: Kerajaan ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad juga pernah memberi pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada projek mega sejak 1980-an.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri Subromaniam Tholasy, berkata justeru isu pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) tidak seharusnya terus diputar-belit oleh pihak tertentu.

Katanya, JKDM memberi sokongan bagi mempertimbang pelepasan oleh Menteri Kewangan mengikut Seksyen 56(3)(a) Akta GST 2014 kepada syarikat China Communication Construction Sdn Bhd atas beberapa sebab.

"Antaranya mengambil kita faktor ECRL adalah projek antara Kerajaan-Kepada-Kerajaan yang mana ia dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia melalui syarikat pelaburan iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd.

"Memang benar kerajaan ada bagi pelepasan GST kepada projek ECRL kepada syarikat China tetapi kita perlu ingat projek ini milik Malaysia Rail Link Sdn Bhd iaitu syarikat pelaburan dimiliki kerajaan, dan pemilik sebenar adalah Malaysia yang mana akhirnya dapat manfaat adalah Malaysia bukan China.

"Selain itu, syarikat itu juga tidak dibenarkan menuntut apa-apa bayaran pulang balik (refund) GST. Sekiranya pelepasan GST tidak diberikan, kerajaan terpaksa tanggung kos GST ke atas perolehan ini, serta kerajaan perlu tambah pinjaman untuk tumpung kos GST atau alami kerugian.

"Ketika era Tun Dr Mahathir, antara projek besar yang mendapat pengecualian SST adalah projek membabitkan IPP (Loji Janakuasa Bebas), Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART), Stadium Bukit Jalil, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) bagi mengurangkan impak kos projek.

"Secara amnya, apabila pengecualian diberikan dalam regim SST, kerajaan akan kehilangan hasil yang sepatutnya dipungut, ini berbeza daripada regim GST yang mana pelepasan kepada perniagaan dalam rantai bekalan adalah cuma 'pass through' dan kerajaan tidak kehilangan hasil kerana ia tidak membabitkan pengguna akhir," katanya.

Beliau berkata demikian sidang media di sini, hari ini bagi menjelaskan isu pelepasan GST ke atas perolehan barang dan perkhidmatan bagi projek ECRL yang turut dijadikan modal kempen Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU-14).



OTMAN Arsahd hadir pada perbicaraan kes menyalah guna kedudukan dan mengemukakan tuntutan palsu di Kompleks Mahkamah Jalan Duta

**9. Saksi kemuka invois ubah suai rumah RM1.5 juta**

KUALA LUMPUR: Invois pengubasuaian dan menaik taraf sebuah banglo di Kajang berjumlah RM1.5 juta yang dikeluarkan atas nama bekas Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian Belia Sukan (KBS) Otman Arsahd dikemukakan di Mahkamah Sesyen di sini.

Ia dikemukakan melalui saksi ke-49 Ketua Penolong Kanan Pengguna Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Asmawi Kulup Lam, 37, yang memberi keterangan di hadapan Hakim Azura Alwi, hari ini.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya dari SPM, Norzilati Izhani Zainal, beliau berkata, ia berdasarkan dokumen 'Laporan Kerja Projek Pengubahsuaian' yang disita daripada rumah itu pada 17 Mac 2016.

Menurutnya, jumlah yang sudah dibayar adalah sebanyak RM1,428,850 dan jumlah masih belum dibayar ialah sebanyak RM123,012.70.

Perbicaraan hari ini diteruskan dengan lebih banyak barang bukti dikemukakan untuk ditandakan sebagai bahan bukti pihak pendakwaan.

Beliau juga mengemukakan salinan resit bayaran insurans kereta Volkswagen Golf GTI bernombor pendaftaran WXA 92 atas penama Abdul Gafar Abdurahiman (tertuduh ketiga) yang dibayar bagi tahun 2014 dan 2016 iaitu sebanyak RM3,614.66 dan RM3,280.59.

Asmawi juga mengemukakan pelbagai resit bagi penyelengaraan dan pembelian aksesori kereta berjumlah lebih RM23,000 bagi kereta yang sama, bagaimanapun bayaran semua atas nama anak kepada Otman.

Antara yang dikemukakan hari ini adalah resit pembelian cincin berjenama Cartier berjumlah RM268,000 atas nama isteri Otman iaitu Mastura Annuar.

Sementara itu, pada prosiding di sebelah petang, Mahkamah Sesyen dikemukakan lapan buku pelaburan Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Bumiputera 2 milik Otman, Mastura dan dua anaknya yang berjumlah RM2,133,434.55.

Turut dikemukakan ialah buku simpanan Bank Simpanan Nasional (BSN) milik Otman dengan transaksi terakhir pada 21 Disember 2015 dengan jumlah simpanan sebanyak RM97,390.48 serta simpanan Tabung Haji berjumlah RM29,911.96.

Perbicaraan akan bersambung selama empat hari bermula 14 Mei ini.

Otman dibicarakan selepas mengaku tidak bersalah terhadap 32 pertuduhan menyalahguna kedudukan dan membuat tuntutan palsu bernilai RM38.4 juta di pejabat MSN, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, antara 2 Mei 2012 hingga 18 November 2015.

Otman turut didakwa bersama ahli perniagaan Siti Rohanah Hussien, 43, dan suaminya Abdul Gafar Abdurahiman, 43, atas 190 pertuduhan membabitkan aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM16.63 juta, empat tahun lalu.



KETUA Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman

#### 10. Lebuh Raya Pan Borneo pemangkin ekonomi Sabah

KOTA KINABALU: Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah yang dilancarkan pada Mac 2015 lalu merupakan pemangkin kepada kemajuan ekonomi lebih pantas dan menyeluruh negeri Sabah, kata Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman.

Selain itu kata Musa projek berkenaan juga akan membantu merancakkan agenda pembangunan negeri seperti yang digariskan melalui dasar Agenda Hala Tuju Negeri Sabah dan Pembangunan Koridor Sabah (SDC) yang sedang giat dilaksanakan.

"Lebuh Raya Pan Borneo merupakan Akujanji kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam manifesto pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk membina lebuh raya di Sabah dan Sarawak.

"Bermula dari manifesto dan perancangan, disusuli dengan beberapa siri perbincangan dan pemeteraian perjanjian, hari ini Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah telah dilaksanakan mengikut beberapa fasa dan pakej," katanya kepada Bernama.

Menurut Musa lebuh berkenaan kelak, selain memantapkan jaringan perhubungan darat di Sabah yang akan mempermudahkan mobiliti rakyat, Pan Borneo juga akan merangsang dan melonjakkan aktiviti ekonomi yang lain seperti pemasaran hasil produk pertanian serta menggalakkan pembangunan produk pelancongan.

"..(Ia juga) merangsang pembangunan dan pertumbuhan kawasan-kawasan ekonomi seperti perumahan dan komersial dengan adanya akses perhubungan darat yang cekap, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan kemahiran serta pengalaman kepada anak-anak tempatan," katanya.

Musa berkata, lebuh raya berkenaan yang dibangunkan kerajaan BN adalah bebas tol dan dengan itu semua lapisan rakyat akan menggunakan tanpa perlu membayar tol.

"Sekali lagi kita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kepada pembangunan negeri dan keperluan rakyat dengan melaksanakan lebuh raya ini, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negeri dengan lebih pantas dan menyeluruh," katanya.

Musa berkata pelaksanaan projek lebuh raya membabitkan 35 pakej kerja bernilai RM12.8 bilion yang bermula di Sindumin hingga ke Tawau dengan tujuh pakej sedang dilaksanakan bermula pada April 2016.

Setakat Mac 2018 katanya, lima daripada pakej kerja itu pada peringkat kerja tanah untuk membina jajaran jalan raya dan jambatan manakala dua (pakej) lagi dalam proses memasuki tapak.

Menyentuh keberkesanan projek Mini Estet Sejahtera (MESEJ) oleh kerajaan negeri Sabah, Musa berkata projek berkenaan merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan untuk memastikan rakyat di kawasan yang dikenal pasti sebagai lubuk kemiskinan mendapat pembelaan.

"Kadar kemiskinan semasa menunjukkan penurunan yang sangat ketara dari 19.2 peratus pada tahun 2009 ke 2.9 peratus pada tahun 2016. MESEJ adalah salah satu program yang diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan.

"Dalam program ini, rakyat miskin dilibatkan dalam aktiviti ekonomi yang dapat menjana pendapatan. Umpamanya melalui penanaman kelapa sawit secara berkumpulan," katanya.

Menurutnya program berkenaan terbukti berjaya menyumbang kepada peningkatan pendapatan rakyat miskin dan mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

Musa berkata, beribu rakyat sudah mendapat manfaat daripada program MESEJ yang dibangunkan mengikut kesesuaian kawasan dan tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah atau program akuakultur di pesisir pantai.

"Kita berikan keutamaan kepada orang kampung yang tiada tanah, tiada rumah dan hidup susah. Sekarang ini mereka sudah ada rumah, ada tanah. Bagi diorang (mereka peserta MESEJ) ini satu keajaiban kerana mereka tidak pernah memikirkan ia akan berlaku.

"Tetapi ini yang kita lakukan. Jadi orang-orang yang miskin tegar dan hidup susah tidak lagi dikategorikan sebagai orang miskin. Secara langsung atau tidak langsung, kita telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah," katanya.

Menurutnya selain MESEJ, program membasmi kemiskinan lain yang dilaksanakan kerajaan negeri di kawasan luar bandar termasuklah Program Geran Tanah Komunal, Program Kampung Sejahtera (PKS) dan Ladang PPRT.



KETUA Setiausaha Perbendaharaan Negara Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah menyampaikan amanat khas kepada penjawat awam yang diadakan di Dewan Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Tunjung hari ini.

#### 11. Pelepasan GST kekalkan kos ECRL

KOTA BHARU: Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bertujuan mengekalkan kos pembinaan pada anggaran asal iaitu RM55 bilion.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata pelepasan itu juga mengelakkan kerajaan membuat pinjaman tambahan jika projek mega itu dikenakan GST.

"Ini adalah projek kerajaan, jika dikenakan GST, ia seolah-olah kenakan pada diri sendiri (kerajaan).

"Kita beri pelepasan kerana jika tidak, harga kos projek ini akan meningkat, maka lebih baik pelepasan (GST) dan tidak perlu pinjam lagi, malah kekalkan kos harga yang asal," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu beliau mengadakan sesi amanat khas bersama penjawat awam dan agensi Kementerian Kewangan di Dewan Sri Tunjung, Jabatan Pendidikan negeri (JPN), di sini.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pendidikan negeri, Muhammad Zahari Othman dan Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) negeri, Datuk Mohd Nasir Yusoff.

Mohd Irwan berkata projek ECRL itu bakal menjadi sistem rangkaian kereta api yang termoden dari segi pembinaan dan struktur selain masa perjalanan yang pantas dengan adanya terowong terpanjang di Malaysia iaitu di kawasan Bentong, Pahang.

Projek itu juga membawa kesan besar kepada masyarakat Pantai Timur dari segi pembangunan dan kemajuan pesat yang bakal diterima.

"Dari segi pelancongan, sudah pasti ia akan menarik minat pelancong untuk ke Pantai Timur dengan pembinaan stesen baru yang secara tidak langsung memusatkan pembangunan di sekitarnya.

"Pusat komersial dan perumahan juga akan dibangunkan, sekali gus membuka peluang lebih luas kepada pelabur asing untuk menambah pelaburan," katanya.

## 12. Pengurus kanan ditahan disyaki ambil rasuah RM190,000

KUALA LUMPUR: Seorang pengurus kanan sebuah syarikat kejuteraan marin ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini, selepas disyaki mengambil rasuah berjumlah RM190,000.

Suspek berusia 48 tahun itu ditahan bagi membantu siasatan berhubung aktiviti rasuah berkaitan kerja pembaikan kapal di sebuah limbungan di bawah seliannya.

Sumber berkata, suspek dikatakan meminta wang dalam jumlah yang besar sebagai balasan pemberian kerja-kerja pembaikan kapal gas asli cecair (LNG) di sebuah limbungan pada tahun 2011 ke 2012.

"Suspek dikatakan sudah menerima wang berjumlah RM190,000 antara tahun itu daripada kontraktor yang bertanggungjawab melaksanakan kerja pembaikan itu.

"Suspek dipanggil ke pejabat SPRM Johor dan ditahan selepas keteranganya dirakam kira-kira jam 12.30 tengah hari tadi," katanya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, siasatan lanjut dilakukan mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.



TERTUDUH Azizan Mohamed Yassin, 39, bekas jurutera kanan Jabatan Kerjaya Raya (JKR) Kulai dihadapkan ke Mahkamah Seysen atas tuduhan memperoleh rasuah bernilai RM25,000 tiga tahun lalu

### 13. Jurutera JKR Kulai dituduh rasuah

JOHOR BAHRU: Seorang jurutera kanan Jabatan Kerjaya Raya (JKR) Kulai dihadapkan ke Mahkamah Sesyen hari ini atas tuduhan memperoleh rasuah bernilai RM25,000 membabitkan pemberian kontrak menaik taraf cerun dan parkir di bangunan JKR Daerah Kulai, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Azizan Mohamed Yassin, 39, mengaku tidak bersalah sejurus kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Kamarudin Kamsun.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didakwa secara rasuah memperoleh untuk diri sendiri suapan bernilai RM25,000 melalui akaun sebuah bank milik ahli keluarganya.

Dia didakwa memperoleh wang itu daripada Abu Bakar A Aziz sebagai dorongan memberikan kerja-kerja menaik taraf cerun dan parkir kenderaan jambatan berbumbung di pejabat JKR Daerah Kulai.

Teruduh didakwa melakukan kesalahan itu di Maybank Berhad Cawangan Taman Universiti Skudai pada jam 4.03 petang, 23 Oktober 2015.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, Khazrin Hafiz Khalil, manakala tertuduh diwakili peguam, Azi Azlin Zulkifli.

Tertuduh yang berjaket hitam dan bercermin mata hadir ke mahkamah bersama isteri dan anak bongsu yang berusia kira-kira sebulan.

Terdahulu pihak pendakwaan memohon tertuduh diikat jamin RM30,000, selain meletakkan syarat tambahan supaya menyerahkan pasport miliknya.

Bagaimanapun pihak pembelaan membantah jaminan tinggi dengan alasan jaminan bukan sebagai satu hukuman, sebaliknya mencadangkan tertuduh dikenakan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin.

"Dalam kes ini, anak guam saya hanya dituduh dengan satu pertuduhan dan sejak kes pertamanya (tahun lalu), dia digantung kerja dengan memperoleh sebahagian gajinya.

"Saya memohon satu jumlah jaminan paling minimum dapat diberikan dan jika diambil kira satu pertiga daripada jumlah rasuah RM25,000 itu, ia berjumlah kira-kira RM8,300," katanya.

Katanya, jika mahkamah meletakkan jumlah jaminan tinggi RM30,000, ia seperti menghukum tanpa mendengar pembelaan daripada tertuduh.

"Pada hari ini, isteri tertuduh masih dalam pantang dan bagi jaminan pada hari ini, dia diwakili isterinya itu yang bertugas sebagai guru untuk membayar jaminan," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 22 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula.

Sebelum ini pada Jun tahun lalu tertuduh turut didakwa menggunakan kedudukan mendapatkan suapan membabitkan pemberian kontrak bernilai RM19,750, tiga tahun lalu.



Seorang Pegawai Tadbir Agama Bagan Serai, Tarmizi Sahari, 55,dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan salah guna kuasa bagi mendapatkan suapan berjumlah RM6,000 bagi tujuan meluluskan perbekalan makanan dan minuman untuk dua program empat tahun lalu

#### **14. Pegawai tadbir agama didakwa minta rasuah RM6,000**

IPOH: Seorang pegawai tadbir agama di Bagan Serai, mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tuduhan salah guna kuasa bagi mendapatkan suapan RM6,000 bagi tujuan meluluskan perbekalan makanan dan minuman untuk dua program, empat tahun lalu.

Tertuduh, Tarmizi Sahari, 55, didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Agama Bagan Serai pada 8 Oktober 2014 bagi dua program diadakan pada 6 dan 9 Oktober tahun sama.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan RM6,000 bagi tujuan perbekalan makanan dan minuman program Pemantapan Akidah dan Kursus Belia-Belia Masjid.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun atau denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Pertuduhan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM, R Kumuthambal di depan Hakim S Indra Nehru, manakala tertuduh diwakili peguam Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid.

Kumuthambal mencadangkan wang jaminan RM18,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh memandangkan kesalahan serius dilakukannya, namun pembelaan memohon mahkamah memberikan jaminan rendah kerana tertuduh perlu menanggung isteri dan lima anak yang masih belajar, selain menghidap asma serta batuk.

Indra Nehru menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap tertuduh dan sebutan semula kes pada 17 Mei ini.



DATUK Patinggi Abang Johari Abang Openg merasmikan seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum Peringkat Negeri Sarawak 2018 yang diadakan di Sibu

#### 15. PETROS dijangka raih pendapatan RM2 bilion setahun

SIBU: Pendapatan RM2 bilion setahun dijangka diperoleh kerajaan negeri melalui peningkatan pegangan ekuiti sebanyak 25 peratus dalam Loji Gas Asli Cecair Malaysia (MNLG) 3 di Bintulu.

Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, berkata perolehan dividen itu membantu kerajaan negeri mempercepatkan pembangunan infrastruktur di seluruh negeri, khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar.

"Ini baru MLNG 3, di MLNG1 dan MLNG2, kita memiliki 10 peratus pegangan (saham). Keseluruhannya, Sarawak ada sembilan loji MNLG. Kita akan berunding untuk mengambil (pegangan) sedikit demi sedikit.

"Itu sebab kita tubuhkan PETROS (Petroleum Sarawak Berhad) supaya bila kita ada syarikat minyak sendiri, kita boleh bekerjasama dengan PETRONAS. Kalau PETROS kuat, ia boleh jadi seperti PETRONAS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Pembangunan dan Kepimpinan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum Peringkat Negeri Sarawak 2018, di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Abang Johari yang Menteri Kewangan dan Perancangan Ekonomi Sarawak mendedahkan perolehan dividen itu membantu membiayai projek jalan pesisir sepanjang 900 kilometer yang sedang pembinaan jalanraya pesisir yang kini sedang giat dilaksanakan kerajaan negeri.

"Di jalanraya pesisir ini, ada beberapa jambatan panjang yang perlu kita bina di Sungai Batang Krian dan Sungai Batang Lassa. Ia membabitkan perbelanjaan tinggi, namun kita melaksanakannya kerana Barisan Nasional (BN) sentiasa mendengar denyut nadi rakyat.

"Kita juga mahu menggunakan hasil dari MLNG3 untuk membiayai Projek Grid Air Negeri bernilai RM7 bilion bagi membantu menyelesaikan masalah bekalan air yang masih banyak berlaku di pelbagai tempat di negeri ini," katanya.

Beliau turut menyeru agar penduduk di Sibu memberikan sokongan kepada calon BN yang dipilih, sekali gus memastikan kemenangan besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

"Kita perlu memperkasa Sarawak dengan memenangkan calon BN kerana jika kita menang banyak kerusi, lebih mudah kita bersuara untuk menuntut kembali hak negeri dalam Perjanjian Malaysia 1963," katanya

### 16. Minta sogokan RM1.8 juta, Datuk Seri Indera ditahan

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki bergelar Datuk Seri Indera ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta sogokan berjumlah RM1.8 juta dari seorang bekas ketua pengarah agensi kerajaan, semalam.

Suspek berusia 49 tahun yang juga seorang jurutera perunding itu, dikatakan berjumpa dan mendakwa mangsa serta beberapa lagi pegawai agensi kerajaan terbabit sedang disiasat SPRM.

Selain mengaku mampu menyelesaikan kes itu, suspek juga mendakwa mampu mendapatkan gelaran Datuk Seri untuk mangsa dan meminta RM1.8 juta bagi kedua-dua tujuan itu.

Sumber SPRM berkata, suspek bertemu mangsa di sebuah restoran di ibu negara pada pertengahan bulan ini untuk berunding.

"Suspek juga telah menyatakan dia dapat menyelesaikan kes SPRM terbabit kerana mengenali pengurusan tertinggi SPRM yang akan membantunya.

"Sangsi dengan perkara itu, mangsa bertindak merujuk perkara itu untuk mengambil tindakan lanjut dan SPRM melakukan siasatan sebelum melakukan tangkapan di Bandar Baru Bangi kira-kira jam 12.45 tengah hari," katanya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terbabit dan suspek kini direman enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Perintah tahanan reman dikeluarkan oleh Majistret Mohammed Abduh Md Hafidz.

Sehubungan tu, Azam mengingatkan mereka yang cuba mencemarkan nama baik dan reputasi agensi itu dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang terbabit.

"Saya meminta orang ramai supaya tidak terpedaya dan jika ada mana-mana individu menyatakan anda disiasat SPRM, hubungi kami untuk mengesahkan perkara itu," katanya.

### 17. Pasaran Asia meningkat di sebalik kelembapan ekonomi utama

HONG KONG: Hong Kong mengetuai kenaikan di kebanyakan pasaran Asia hari ini apabila peniaga mengetepikan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS), manakala pertemuan bersejarah pemimpin Korea Selatan dan Korea Utara minggu lalu terus menyokong Seoul dan mata wang negara itu.

Walaupun angka pada Jumaat lalu menunjukkan pertumbuhan dalam ekonomi teratas dunia perlahan pada bulan Januari-Mac, firma teknologi di Wall Street meraih sokongan selepas pendapatan yang baik diraih oleh Amazon, Microsoft dan Intel.

Petunjuk positif dari New York itu menyediakan bantuan yang sangat diperlukan kepada firma teknologi Asia, yang telah terjejas dalam beberapa minggu kebelakangan ini ekoran kebimbangan mengenai pasaran telefon pintar yang lumayan.

AAC Technologies yang disenaraikan di Hong Kong meningkat lebih dua peratus dan Tencent menokok satu peratus, manakala di Taipei, pembekal Apple TSMC dan Foxconn juga semakin meningkat.

Di pasaran lebih meluas, Hong Kong melonjak 1.6 peratus, dengan aktiviti kilang China yang lebih baik daripada ramalan juga memberikan sokongan memandangkan ia mengurangkan kebimbangan mengenai kelembapan dalam ekonomi tanah besar.

Seoul berada 0.6 peratus lebih tinggi, manakala Sydney naik 0.5 peratus.

Singapura meningkat lebih satu peratus, manakala Wellington, Manila, Taipei dan Jakarta semuanya berada dalam wilayah positif.